

05/01/1998

Mengharungi 1998 secara lebih rasional

Sut

BAGAIMANA sukar sekalipun keadaan sekarang, rakyat Malaysia tetap menyambut kedatangan tahun baru. Bagi yang beragama Islam, mereka menyambut tahun baru dan Ramadan dengan penuh kesyukuran. Sesungguhnya kita di Malaysia mempunyai banyak sebab untuk bersyukur kerana tidak seperti sesetengah negara lain, di Malaysia tidak ada bencana alam dan penderitaan akibat peperangan, rusuhan kaum yang menyebabkan beribu nyawa terkorban. Anak kita dapat ke sekolah dengan selesa dan selamat walaupun belanja harian berkurangan berbanding tahun sebelumnya.

Dari satu segi, masalah ekonomi berikutan kejatuhan nilai mata wang memberi manfaat kepada kita. Kegawatan ekonomi memberi pengajaran kepada sesiapa saja yang mengambil belajar daripada sejarah. Sebagaimana yang sering dijelaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, pencapaian yang dinikmati rakyat bukan datang bergolek dan kekal selamanya tetapi melalui perjuangan panjang dan jerih.

Kepada sesetengah mereka yang mula lupa diri, berasa nikmat yang dikecapi adalah hasil kepintaran akal mereka, keadaan yang terjadi hari ini tentulah memberi peluang baik kepada mereka untuk kembali merenung diri. Fakta di depan mata mereka, hasil menungam panjang meneliti nasib masa lalu dan mencongak unjuran rezeki akan datang, jelas menunjukkan yang ada tidak memberi makna tanpa sumbangan kekukuhan politik dan ekonomi.

Inilah hakikat politik yang posisinya dalam ekonomi menaikkan darjah sosial. Tanpa keadaan politik yang stabil, mustahil mereka mencapai kedudukan ekonomi yang kemudiannya meletakkannya dalam martabat sosial kebanggaannya.

Golongan ini sedar keutuhan negara adalah hasil daripada perpaduan rakyat - yang tahu di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung - sesungguhnya dapat memainkan peranan yang amat penting.

Sejarah menunjukkan betapa besar pun tentera menyerang suatu bangsa, tetapi kerana perpaduan kukuh dan kepercayaan kepada pemimpin, bangsa itu tidak akan kalah. Perang Badar dalam sejarah Islam menunjukkan bilangan tentera musuh jauh lebih besar daripada tentera Islam tetapi kerana perpaduan tentera Islam menang.

Portugis tidak dapat mengalahkan Melaka pada abad ke-15 Masihi jika orang Melaka bersatu, berjuang mempertahankan Melaka daripada dijajah. Punca utama kekalahan yang memalukan bangsa Melayu itu kerana rakyat bersatu hati, tenaga dan jiwa. Ramai yang mementingkan diri, kumpulan serta juak sendiri yang berkepentingan sama ada dalam bidang politik, perdagangan atau ekonomi pada masa itu.

Sebagaimana yang dijelaskan pemimpin kita, kita sedar kemelut ekonomi kini adalah akibat serangan spekulator luar terhadap mata wang Malaysia. Berdasarkan keyakinan pemimpin, rakyat yakin keadaan ini akan kembali pulih tetapi akan lebih cepat jika kerjasama pada semua peringkat diperolehi.

Selepas pulang daripada satu perang, Nabi Muhammad mengingatkan hulubalangnya yang mereka kembali dengan kemenangan daripada satu peperangan tetapi pada hakikatnya menghadapi peperangan yang lebih besar. Peperangan yang dimaksudkan itu ialah peperangan melawan hawa nafsu.

Tahun 1998 dengan pelbagai latar harapan melatarbelakangi peristiwa pahit manis pelbagai bidang kehidupan, diharap dapat membentuk setiap orang untuk hidup dalam keadaan lebih rasional dan tenang. Kita tidak mungkin mendapat ketenangan kalau kita tidak rasional. Rasional kita

mestilah diikuti tindakan seperti kita memperbetulkan kedudukan diri dalam negara dan masyarakat.

Dalam bidang ekonomi kita seharusnya tidak tamak dan gelojoh secara tidak menentu. Begitu juga dalam bidang politik. Kita mestilah menghadapi sebarang gejolak dengan rasional dan tenang, sabar serta tawaduk.

Musuh datangnya dari pelbagai penjurur. Tetapi musuh paling bahaya adalah musuh dari dalam. Dalam hal ini kesanggupan Datuk Abdul Ghapur Salleh menarik balik peletakan jawatannya sebagai Timbalan Ketua Menteri Sabah, Menteri Kewangan serta Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah adalah satu tindakan yang rasional.

Abdul Ghapur tentu sedar masa kini tidak mengizinkan sebarang pergolakan politik dalam negeri. Masa dan tenaga mestilah dipergunakan sepenuhnya untuk memulihkan ekonomi.

Memang kita semua mengetahui pada 1999 akan ada pertandingan dan pemilihan peringkat pusat. Sementara pemilihan pada peringkat bahagian pada Mac nanti diharap tidak boleh menimbulkan suasana yang tidak menyenangkan sehingga boleh memberi ruang kepada anasir luar campur tangan dalam politik kita.

Memang diakui ada pihak yang tidak senang melihat kejayaan dan pencapaian Malaysia. Usaha dalam bidang politik pada peringkat antarabangsa dengan pelbagai tujuan dan maksud terhadap Malaysia tentulah juga tidak terhenti.

Semalam akhbar kita melaporkan kenyataan Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Norian Mai berhubung laporan beberapa agensi berita asing yang menyatakan Malaysia terbabit melatih Pertubuhan Pembebasan Bersatu Pattani atau Pulo.

Datuk Norian dalam kenyataannya menegaskan sehingga ini polis tidak menerima maklumat mengenai Malaysia dijadikan pangkalan melatih anggota Pulo. Mengikut Norain lagi: "Adalah tidak berasas untuk mengaitkan Malaysia sebagai punca kepada aktiviti gerila yang berlaku di Thailand kerana kita tidak mempunyai maklumat adanya latihan dan persiapan yang dilakukan kumpulan tertentu berpangkalan di negara ini."

Beberapa agensi berita asing semalam melaporkan Menteri Luar Thailand, Surin Pitsuwan akan mengunjungi Malaysia minggu depan bagi membincangkan masalah meningkatnya aktiviti gerila Islam di Selatan Thailand.

Laporan yang sama juga ikut memetik kenyataan Perdana Menteri Thailand, Chuan Leekpai yang menyatakan gerila pemisah Islam sedang dilatih di Malaysia sebelum dihantar ke Selatan Thailand.

Jelas sekali usaha pihak yang tidak senang dengan kejayaan Malaysia tidak saja dalam bidang ekonomi malah dalam bidang politik, kehidupan dan budaya tetapi serangan itu tidak henti-hentinya.

Semua gerakan itu sama ada politik, ekonomi, atau sosial harus ditangani dengan hati yang tenang dan fikiran yang rasional.

Apa yang dilaporkan konon kegiatan tidak menentu di Selatan Thailand dikatakan didalangi Malaysia sebagai negara yang terbabit itu jika tidak ditangani secara bijaksana boleh memansuhkan sempadan utara negara kita.

Berdasarkan fakta sejarah keadaan tidak menentu di Pattani mudah menyala dan boleh menyemarakkan api permusuhan, membakar hubungan baik antara Malaysia dan Thailand.

Walaupun laporan itu kelihatan serius kita percaya Malaysia dapat menanganinya dengan bijaksana kerana dalam keadaan ekonomi hari ini tidak ada sesiapaupun, melainkan pihak tertentu yang cuba mencetuskan api permusuhan saja yang akan untung.

Setiap orang mengharapkan 1998 menjadi tahun mengembalikan Malaysia ke tahap yang dicapai sebelumnya dalam waktu singkat.

Kita percaya berkat perpaduan rakyat semua peringkat - sama ada pemimpin politik, ahli korporat, peniaga dan rakyat biasa - hal itu tidak

sukar dilakukan. Tentulah untuk memperolehinya kita mestilah bertindak secara tenang, sabar, tawaduk dan rasional.

(END)